

RANCANGAN STRATEGIK  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
2015-2019



رپنچعن ستراتیکیک کمنترین حال احوال اکنام  
٢٠١٩ - ٢٠١٥

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih*



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

# PETIKAN TITAH

*"Beralih kepada perkara yang tidak kurang utamanya, iaitu Perkhidmatan Awam. Ia memerlukan peningkatan, baik di segi produktiviti mahu pun etika kerjanya. Beta mahu Perkhidmatan Awam itu, secara berterusan, akan menilai kekuatan dan kelemahannya berasaskan **Key Performance Indicators** yang telah ditetapkan.*

*Dengan cara ini, dapatlah kita menyukat setakat mana Perkhidmatan Awam itu dapat melaksanakan tanggungjawabnya pada memenuhi harapan negara dan orang ramai."*

(Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda yang Ke-64 Tahun pada 3 Sya'ban 1431H bersamaan 15 Julai 2010M)

*"Di samping untuk mencapai Wawasan 2035 dalam bidang fizikal, kita juga ingin meraih rahmat dan keberkatan dalam semua aspek kehidupan. Kita turut menginginkan sebuah negara yang benar-benar memenuhi ciri-ciri 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur', yang sejahtera lagi bahagia di bawah pemeliharaan Allah."*

(Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji 'Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Perayaan Ulangtahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-30 pada 23 Rabiulakhir 1435H bersamaan 23 Februari 2014M)

# DAFTAR ISI

7	Kata-Kata Aluan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	Perkembangan Pusat Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama	13
8	Kata Sambutan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama	Sumber Manusia, Kewangan dan Aset	14
9	Kata Pengantar Yang Mulia Setiausaha Tetap	Jumlah Zakat, Aset Waqaf dan Baitulmal	15
10	Ringkasan Eksekutif	Kejayaan dan Pencapaian 2010 – 2014	16
11	Metodologi	Carta Organisasi	38
12	Latar Belakang Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama	Nilai-Nilai Utama: ‘3T’	39
		12 Faktor Kejayaan	40

# DAFTAR ISI

<b>41</b>	Visi dan Misi	Cabaran dan Implikasi	<b>48</b>
<b>42</b>	Bidang Fokus Strategik	Pelan Tindakan 2015 – 2019	<b>50</b>
<b>43</b>	Tujuan Penubuhan	Penutup	
<b>44</b>	Tugas-Tugas Utama	Ahli Jawatankuasa Penyediaan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015 – 2019	<b>75</b>
<b>45</b>	Rangka Kerja	Catatan	<b>88</b>
<b>46</b>	Pelanggan dan Stakeholders		
<b>47</b>	Agenda Wawasan Brunei 2035		

## Kata-Kata Aluan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَالِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* kerana dengan izinNya jua Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015-2019 dapat dirumuskan dan dokumennya ini diterbitkan.

Rancangan Strategik ini merupakan rujukan utama pada memandu Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tempoh lima (5) tahun. Ianya mendukung hasrat Wawasan Negara 2035. Sebagai jentera pemerintahan dalam bidang keugamaan maka Kementerian ini mendasarkan pendekatannya ke arah pencapaian Wawasan itu kepada ajaran Islam dan amalan-amalan terbaik urus tadbir dan pemerintahan. Sehubungan dengan itu, Kementerian mendukung sepenuhnya penyataan Wawasan Negara 2035 bahawa "Ke arah mencapai Wawasan ini, kita bersatu dalam: i) Kesetiaan kepada Sultan dan Negara; ii) Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan iii) Keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik".

Penyataan tentang keyakinan kepada nilai-nilai Islam itu setentunya membuka ruang yang luas bagi semua rakyat dan penduduk Islam dan bukan Islam untuk bersama-sama bergerak dan digerakkan ke arah mencapai matlamat Wawasan Negara. Tegasnya bagi yang berugama Islam akan menunai dan mengamalkan suruhan dalam ajaran Ugama Islam lebih dari setakat meyakini keunggulan nilai-nilainya. Sementara rakyat dan penduduk yang bukan berugama Islam akan bersama-sama meyakini nilai-nilai ajaran Islam itu sebagai nilai universal dalam mendukung Wawasan Negara tanpa memaksa mereka menganut Ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negara itu.

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kerabat kerja Kementerian dan semua pihak yang gigih merumuskan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 2015-2019 ini. Semoga segala usaha yang dilakukan dengan ikhlas diberkati oleh Allah *Subhanahu wa Ta'alaa*.

Adalah menjadi harapan saya supaya setiap pelan tindakan yang digariskan dengan strateginya yang tertentu itu dapat dilaksanakan sebaiknya untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada negara dan orang ramai dan sekaligus meningkatkan imej ugama Islam serta keberkesanan peranan perkhidmatan bidang ugama.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَى  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN**

Menteri Hal Ehwal Ugama  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam

## Kata Sambutan

بسم الله الرحمن الرحيم  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين



Alhamdulillah dipanjatkan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atas limpah kurniaNya kepada kita selaku hambaNya dan dengan izin dan rahmatNya juga dapat diungkayahkan penerbitan dokumen Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015-2019 dalam bentuk buku cetakan.

Kandungan dokumen Rancangan Strategik ini menyatukan semua strategi dan inisiatif yang telah dirancang dan difikirkan bersama untuk dilaksanakan dari tahun 2015 hingga 2019. Ia merupakan salah satu pendekatan yang mustahak dalam pengurusan dan perkhidmatan Kementerian untuk terus mencapai kecemerlangan.

Dokumen ini akan menjadi rujukan utama dengan memusatkan segala komitmen warga Kementerian Hal Ehwal Ugama, jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya.

Bermula tahun 2015 hingga 2019 penumpuan diberikan kepada enam bidang fokus strategik utama iaitu Pendidikan Ugama Berkesan, Da'wah, Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Keselamatan Sosial Terjamin, Pemakanan dan Barang Gunaan Halal dan Suci, dan Perkhidmatan Berkualiti dan Cemerlang.

Kejayaan mengatur perancangan yang efektif untuk mendapatkan keberhasilan setiap pelaksanaan, kerjasama dari semua pihak adalah sangat diharapkan.

Di sinilah letak kepentingan Rancangan Strategik itu yang akan terus memandu kita warga Kementerian Hal Ehwal Ugama menghala hasrat Wawasan Negara 2035.

وبالله التوفيق والهدایة  
والسلام عليکم ورحمة الله وبرکاته

**DATO PADUKA HAJI ABDUL MOKTI BIN HAJI DAUD**

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam

# Kata Pengantar

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين



Segala puji dan syukur kehadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *Sallalahu Alaihi Wasallam*, kerana dengan izinNya juga, dapat diungkayahkan penerbitan Buku Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tempoh lima tahun akan datang bermula 2015 hingga 2019.

Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015-2019 adalah kesinambungan dari usaha terdahulu yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010-2014 yang lengkap dengan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*), *Balanced Scorecard* dan isu-isu serta cabaran-cabaran yang dihadapi.

Kementerian ini melihat kepada kepentingan dan keperluan untuk meneruskan usaha-usaha melalui perancangan strategik sebagai rujukan utama kepada jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bagi melaksanakan perkara ini, pihak Urusetia Rancangan Strategik di Seksyen Kajian dan Perancangan, Bahagian Dasar Perancangan dan Penyelidikan telah memulakan langkah penyediaan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015-2019 bermula April 2013 dengan mengadakan Bengkel Penilaian Semula Rancangan Strategik 2010-2014 di mana sasaran bengkel melibatkan penyelaras-penyelaras dari jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian yang berakauntabiliti. Maka hasil dari bengkel tersebutlah menjadi sukat-sukat penyediaan dokumen Rancangan Strategik 2015-2019.

Melihat kepada usaha tersebut, saya dengan tulus ikhlas merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada ahli jawatankuasa dan urusetia kumpulan petugas penyediaan dokumen Rancangan Strategik 2015-2019 dan mengharapkan agar berjaya dilaksanakan dengan kerjasama dari semua pihak serta diiringi doa semoga semua pihak akan mendapat rahmat dan ganjaran dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

وبالله التوفيق والهدایة

والسلام عليکم ورحمة الله وبرکاته

**DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL AZIZ BIN ORANG KAYA MAHARAJA LELA HAJI YUSOF**

Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Negara Brunei Darussalam

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Dokumen Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015-2019 ini merupakan garispandu bagi mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan. Dokumen ini adalah bukti usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama mencipta hala tuju yang strategik, dinamik, berbudaya kerjakan keunggulan dengan identitinya yang cekap, telus dan berinovasi melalui penggunaan tenaga dan sumber yang efisien.

Rancangan Strategik ini dibina dengan mengimbang pencapaian serta kejayaan pelaksanaan Rancangan Strategik 2010-2014 serta menganalisa cabaran-cabaran dan implikasi-implikasinya kepada perkhidmatan yang telah, sedang serta akan dilaksanakan. Di samping itu juga, Rancangan Strategik ini memfokus kepada enam bidang strategik yang menjadi teras utama dalam menyusun pelan tindakan sebagai sukat-sukat terhadap perkhidmatan yang dijalankan.

Tempoh lima tahun, bermula tahun 2015 hingga 2019 penumpuan diberikan kepada enam bidang fokus strategik utama iaitu:

1. Pendidikan Ugama Berkesan;
2. Da'wah Mantap ;
3. Kedaulatan Undang Undang Syariah;
4. Keselamatan Sosial Terjamin;
5. Pemakanan Dan Barang Gunaan Halal Dan Suci; dan
6. Perkhidmatan Berkualiti Dan Cemerlang.

Dalam menanai fokus strategik yang telah dinyatakan adalah menjadi satu ketetapan setiap warga kementerian berusaha menanamkan nilai-nilai yang mendasari tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan tiga komponen nilai penting iaitu taat, tanggungjawab dan tindakbalas. ‘3T’ ini membawa maksud dengan adanya rasa taat akan menimbulkan rasa tanggungjawab dan kerana nilai tersebut akan mewujudkan tindakbalas bagi melaksanakan apa yang diamanahkan.

Di samping itu, Rancangan Strategik ini berperanan besar memandu kementerian dalam usaha meningkatkan produktiviti dan etika kerja berasaskan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*) sebagai alat rujukan penting yang akan lebih memudahkan sasaran kementerian dalam tempoh menjayakan Wawasan Negara 2035.

# METODOLOGI


Pembangunan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama ini mengambil kira beberapa elemen penting dan proses kerja, iaitu:

- Mengkaji semula rancangan strategik terdahulu;
- Maklumat-maklumat dari Bengkel Penyediaan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2015-2019;
- Amalan-amalan terbaik dari negara-negara luar;
- Input yang diterima dari kementerian-kementerian lain, jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hala tuju strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama digariskan melalui beberapa analisis seperti berikut:

- Analisis matlamat, fungsi, visi dan misi serta mandat sedia ada;
- Keperluan *stakeholders* dan pelanggan;
- Cabaran dan implikasi kepada perkhidmatan.

# LATAR BELAKANG PENUBUHAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



# PERKEMBANGAN PUSAT PENTADBIRAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**1948**



Pusat Pentadbiran Hal Ehwal Ugama dan Mahkamah Kadi Besar di Kampong Pemancha Lama, Daerah Brunei Muara

**1954**



Pusat Pentadbiran Hal Ehwal Ugama ditempatkan di beberapa buah bilik di bangunan Setiausaha Kerajaan

**1960**



Pusat Pentadbiran Hal Ehwal Ugama dipindahkan ke bangunan Lapau lama

**1966**



Pusat Pentadbiran Hal Ehwal Ugama telah memiliki bangunan pentadbirannya sendiri yang dinamakan Pejabat Hal Ehwal Ugama dan telah dirasmikan pada 1 September 1966

**1998**



Pusat Pentadbiran Hal Ehwal Ugama telah dipindahkan ke bangunan baru Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Menteri Besar, Berakas pada 28 April 1998

**2014**



Bangunan tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama mula digunakan pada 19 November 2014

# SUMBER MANUSIA, KEWANGAN DAN ASET

## PERUNTUKAN TAHUN 2014/2015

### SUMBER MANUSIA

Pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama, jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya

Jawatan tetap = 5354 orang  
Open vote = 165 orang  
Gaji Hari = 133 orang  
**Keseluruhan = 5,652 orang**

Pegawai dan kakitangan di masjid, surau dan balai ibadat  
Pegawai Hal Ehwal

Masjid = 61 orang  
Imam = 118 orang  
Bilal = 62 orang  
Merbut = 25 orang  
Lain-lain = 130 orang  
**Keseluruhan = 396 orang**

Tenaga pengajar

KUPU SB = 50 orang  
ITQSHHB = 68 orang  
Sekolah Arab = 440 orang  
Sekolah Ugama = 2,188 orang  
**Keseluruhan = 2,746 orang**

### SUMBER KEWANGAN

Gaji kakitangan KHEU  
= \$194,362,240.00

Gaji kakitangan KUPU SB  
= \$5,199,390.00

Perbelanjaan berulang-ulang KHEU  
= \$44,425,330.00

Perbelanjaan berulang-ulang KUPU SB  
= \$5,686,210

Perbelanjaan khas KHEU  
= \$10,350,000.00

### ASET

Bangunan pejabat = 28 buah

KUPU SB = 1 buah  
ITQSHHB = 1 buah  
Sekolah Arab = 7 buah  
Sekolah Ugama = 159 buah

Perumahan = 890 unit  
Sewa = 557 unit  
Kerajaan = 333 unit

Masjid = 99 buah  
Surau = 6 buah  
Balai Ibadat = 12 buah

Tanah perkuburan = 291 tapak

# JUMLAH ZAKAT, HARTA WAQAF DAN BAITULMAL

## TAHUN 2014

### ZAKAT HARTA

Pengeluar zakat  
= 4,491 orang

Kutipan zakat  
= 20,188,501.89

### ZAKAT FITRAH

Pengeluar zakat  
= 329,475 orang

Kutipan zakat  
= \$927,297.87

### ASET WAQAF DAN BAITULMAL

Aset  
= \$23,200,300.07

Lot tanah  
= 360 lot

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2010



**8 Jamadilakhir 1431H bersamaan 22 Mei 2010M:**  
Penerbitan buku Perangkaan Utama Kementerian Hal Ehwal Ugama 2009 dan buku Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwel Ugama 2010-2014

**19 Sya'ban 1431H bersamaan 31 Julai 2010M:**  
Pengambilan pertama Diploma 'Aliyah Qiraat di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah seramai 12 orang siswa/siswi

**1 Muharram 1432H bersamaan 6 Disember 2010M:**  
Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong Tiga Selatan Seria, Daerah Belait mula digunakan

**23 Muharram 1432H bersamaan 30 Disember 2010M:**  
Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Mukim Kiudang, Daerah Tutong mula digunakan




**22-23 Zulhijjah 1431H bersamaan 29-30 November 2010M:**  
Seminar Kepimpinan Pegawai-Pegawai Masjid Seluruh Negara 1431H/2010M anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Bahagian Kemajuan Syiar Islam dan Bahagian Perhubungan Awam & Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwel Ugama




**22 Zulhijjah 1431H bersamaan 29 November 2010M:**  
Pelancaran Wadah Masjid semasa Seminar Kepimpinan Pegawai-Pegawai Masjid Seluruh Negara

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2011




**20 Zulkaedah 1432H bersamaan 18 Oktober 2011M:**  
Konvokesyen pertama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



Pusat Da'wah Islamiah telah menerbitkan sebuah kajian ilmiah bertajuk *Ilmu dan Masyarakat dari Perspektif Islam*

**24 Rabiulakhir 1432H bersamaan 29 Mac 2011M:**  
Seminar Antarabangsa Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah sempena Jubli Perak Pusat Da'wah Islamiah



**23 Syawal 1432H bersamaan 22 September 2011M:**  
Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2012



**30 Sya'ban 1433H bersamaan 20 Julai 2012M:**  
Pembukaan bangunan Masjid Duli Raja Isteri  
Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas

**7 Ramadhan 1433H bersamaan 27 Julai 2012M:**  
Pembukaan bangunan Masjid Pengiran Muda 'Abdul  
Malik, Kampong Tungku / Katok

**14 Ramadhan 1433H bersamaan 3 Ogos 2012M:**  
Pembukaan bangunan Masjid Pengiran Muda 'Abdul  
Mateen, Kampong Mulaut

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2012



**6 Rabiulakhir 1433H bersamaan 28 Februari 2012M:**  
Penubuhan Unit Pendidikan Khas Ugama UPKU-JPI



**26-27 Rabiulakhir 1433H bersamaan 20-21 Mac 2012M:**  
Program Pembangunan Keluarga kali pertama diadakan, iaitu: (i) Seminar *Semakin Hari Semakin Sayang*, dan (ii) Kursus Pasca Perkahwinan



**3 Sya'ban 1433H bersamaan 23 Jun 2012M:**  
Pembukaan bangunan Sekolah Ugama Tanjung Maya, Tutong




**15 Sya'ban 1433H bersamaan 5 Julai 2012M:**  
Pembukaan Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop



**12 Zulkaedah 1433H bersamaan 29 September 2012M:**  
Pembukaan Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampong Mulaut

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2013



**18 Safar 1434H bersamaan 1 Januari 2013M:**  
Akta Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 mula berkuatkuasa



**10 Rabiulawal 1434H bersamaan 23 Januari 2013M:**  
Pembukaan bangunan Sekolah Ugama Perpindahan  
Lambak Kanan, Jalan 77



**30 Jamadilakhir – 5 Rejab 1434H bersamaan 11-16 Mei 2013M:**  
Qariah Brunei, Dk Nur Fatin Wahidah binti Pg Md Sallehin, mendapat  
tempat ketiga bagi kategori 10 juz Al-Quran dalam Pertandingan  
Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah bagi perempuan kali ke-8 di Amman,  
Jordan



**24 Sya'ban 1434H bersamaan 3 Julai 2013M:**  
Pembukaan bangunan Sekolah Arab Belait



**5 Rabiulakhir 1434H bersamaan 16 Februari 2013M:**  
Buku 50 Tahun Dalam Ristaan, Perkhidmatan Hal Ehwal  
Ugama, Negara Brunei Darussalam 1959-2009 dilancarkan



**30 Sya'ban 1434H bersamaan 9 Julai 2013M:**  
Peletakan batu asas bangunan baru Pejabat Hal Ehwal  
Ugama Daerah Temburong di Bangar

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2013



**10 Ramadhan 1434H  
bersamaan 19 Julai 2013M:**  
Pembukaan bangunan Masjid  
Rashidah Sa'adatul Bolkiah,  
Kampong Sungai Akar



**17 Ramadhan 1434H  
bersamaan 26 Julai 2013M:**  
Pembukaan bangunan Masjid  
Jefri Bolkiah, Kampong Batong




# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2013



**20-26 Ramadhan 1434H bersamaan 27 Julai – 2 Ogos 2013M:**  
Qari Brunei, Awg Muhammad Hazri bin Hj Mohd Hamzani, mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah Bagi Lelaki Kali Ke-21 bagi Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Quran di Amman, Jordan



**17 Zulhijjah 1434H bersamaan 22 Oktober 2013M:**

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 telah diwartakan dan diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari yang sama



**26-27 Zulkaedah 1434H bersamaan 2-3 Oktober 2013M:**  
Seminar Da'wah Berinovasi di Centerpoint Hotel, Gadong



**15 Muharram 1435H bersamaan 19 November 2013M:**  
Majlis Perasmian Bangunan Dar As-salam di Kaherah, Mesir

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2013



**2 Safar 1435H bersamaan 5 Disember 2013M:**

Majlis Haflut Takharruj Kali Pertama Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2014



**4-5 Rabiulakhir 1435H bersamaan 4-5 Februari 2014M:**  
Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid



**1-6 Rejab 1435H bersamaan 30 April – 5 Mei 2014M:**

Qariah Brunei, Dyg Raihanah binti Haji Ali Asgar, menjadi Naib Johan bagi Kategori 10 Juz Awal dalam Pertandingan Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah Bagi Perempuan Kali Ke-9 bagi Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Quran yang telah berlangsung di Amman, Jordan



**17-22 Sya'ban 1435H bersamaan 16-21 Jun 2014M:**

Qari Brunei, Ak Md Adibul Amin bin Pg Hj Marjuki, mendapat tempat keempat dan Qariah Brunei, Dyg Siti Huzaimah Yadey binti Hj Rosli, mendapat tempat kedua dalam Majlis Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-56 di Kuala Lumpur, Malaysia



**10 Ramadhan 1435H bersamaan 7 Julai 2014M:**  
ITQSHHB mendapat pengiktirafan antarabangsa dengan menerima Anugerah Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Karim Mithali

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## TAHUN 2014



**18 Ramadhan 1435H bersamaan 16 Julai 2014M:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melancarkan Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya (Edisi Lengkap 30 Juzu') sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1435 Hijriah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas



**20 Ramadhan 1435H bersamaan 18 Julai 2014M:**

Pembukaan bangunan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis Madang



**23-25 Zulkaedah 1435H bersamaan 18-20 September 2014M:**

Qari Brunei, Awang Muhammad bin Ali, menjuarai Pertandingan Tilawah Al-Quran Antarabangsa ke-15 di Moscow, Rusia



**26 Muharram 1436H bersamaan 19 November 2014M:**

Bangunan baru Kementerian Hal Ehwal Ugama mula digunakan

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## PENGANUGERAHAN SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

PERINGKAT	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
Doktor Falsafah	3	5	2	1	1	<b>12</b>
Sarjana	12	23	15	17	9	<b>76</b>
Sarjana Muda	33	23	31	32	36	<b>155</b>
Diploma Lepasan Ijazah	64	36	11	6	12	<b>129</b>
Diploma Tertinggi	49	15	28	0	2	<b>94</b>
Diploma	0	0	34	25	1	<b>60</b>
Pra-Nasional Diploma	0	2	0	0	0	<b>2</b>
Sijil	6	0	0	0	0	<b>6</b>
Jumlah pegawai yang dikurniakan biasiswa (LDP)	<b>167</b>	<b>104</b>	<b>121</b>	<b>81</b>	<b>61</b>	<b>534</b>

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## PENGANUGERAHAN BIASISWA KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

PERINGKAT	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
Doktor Falsafah	1	0	1	3	2	7
Sarjana	21	9	9	21	26	86
Sarjana Muda	23	50	34	33	67	207
Diploma	5	3	3	1	3	15
Matrikulasi	2	0	0	1	0	3
Skim Khas 'A' Level	4	6	8	10	8	36
Jumlah pelajar yang dikurniakan berasrama	<b>56</b>	<b>68</b>	<b>55</b>	<b>69</b>	<b>106</b>	<b>354</b>

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## PENGAMBILAN PELAJAR KE KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan menawarkan pelbagai program termasuk program Ijazah Doktor Falsafah yang mula diperkenalkan pada tahun 2013. Pengambilan pelajar ke KUPU SB selama lima tahun kebelakangan ini iaitu dari sesi 2010/2011 sehingga sesi 2014/2015 adalah seramai 1,400 orang.


**PENGAMBILAN PELAJAR KE KUPU SB**



# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## GRADUAN KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

KUPU SB telah berjaya melahirkan seramai 1,016 orang graduan dari pelbagai bidang, dari tahun 2010 hingga tahun 2014



# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## PENGANUGERAHAN BIASISWA KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEPADA PELAJAR INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

NEGARA	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
Malaysia	5	3	3	1	3	<b>15</b>
Mesir	6	12	3	16	12	<b>49</b>
United Kingdom	2	1	1	3	1	<b>8</b>
Brunei (Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB)	12	14	19	11	15	<b>71</b>
Keramaian pelajar ITQSHHB dikurniakan biasiswa	<b>25</b>	<b>30</b>	<b>26</b>	<b>31</b>	<b>31</b>	<b>143</b>



**25 Zulkaedah 1435H bersamaan 20 September 2014M:**  
Lepasan penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah menerima biasiswa "Sultan's Scholar" Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk meneruskan pengajian dalam jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di Mahad Qiraat, Al Azhar, Shoubra, Mesir.

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## KELAS AL-QURAN DAN MUQADDAM


### KERAMAIAN PELAJAR KELAS AL-QURAN DAN MUQADDAM BAGI KANAK-KANAK YANG BERUMUR DARI 6 HINGGA 12 TAHUN



# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014


## KUMPULAN BELIA MASJID

### KUMPULAN BELIA MASJID



# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014


## KELAS BIMBINGAN MUSLIMAH



# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## MUALLAF

Seramai 2,776 orang telah memeluk agama Islam dari tahun 2010 hingga 2014.



# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## PROGRAM PEMBELAJARAN UGAMA SEPANJANG HAYAT



Jumlah keseluruhan peserta dari tahun 2010 hingga 2014 ialah seramai 225,431 orang.

# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL

Di antara program-program yang diadakan adalah Program Kemasyarakatan Program Khidmat Bakti Negara, Program *Aku Pemuda Muslim*, Perkhemahan Belia Jame' Asr Hassanil Bolkiah yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid. Pusat Da'wah Islamiah mengadakan Kursus Penghayatan Islam bagi belia yang belum bekerja dan Kursus Nadwah Kemurnian Rohani. Manakala Jabatan Pengajian Islam mengadakan program-program yang melibatkan pelajar-pelajar seperti program Hayya Alassalah dan Syababul Islam.




# KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN 2010 - 2014

## PENGGUNAAN SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL BRUNEI DARUSSALAM

	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
Restoran	12	8	88	215	813	<b>1,136</b>
Kilang Dalam Negara	4	6	12	11	66	<b>99</b>
Kilang Luar Negara	7	0	3	0	3	<b>13</b>
Barang Makanan (Dalam Negara)	73	118	163	157	2,525	<b>3,036</b>
Barang Makanan (Luar Negara)	44	8	105	0	61	<b>218</b>
Sijil Penyembelihan	99	22	26	35	44	<b>226</b>
Pusat Penyembelihan Dalam Negara	1	0	3	0	1	<b>5</b>
Pusat Penyembelihan Di Luar Negara	0	0	7	3	4	<b>14</b>

# CARTA ORGANISASI



# NILAI-NILAI UTAMA: '3T'

## TAAT

- Iman
- Taqwa
- Taat setia kepada raja dan negara

## TANGGUNGJAWAB

- Amanah
- Adil
- Berintegriti
- Akauntabiliti
- Dedikasi
- Produktif

## TINDAKBALAS

- Ikhlas
- Profesional
- Bekerjasama
- Bersikap positif dan proaktif
- Kreatif dan inovatif
- Bersikap pemedulian
- Analitik

# 12 FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL

Dasar dan undang-undang berkesan

Kepimpinan berwibawa dan bijaksana

Pengurusan sumber yang optima

Struktur organisasi serta proses kerja progresif

Pengurusan partisipatif

Pengembangan modal intelek

Pembudayaan ICT

Rakan strategik kooperatif

Pengiktirafan antarabangsa

Perancangan dan penyelidikan holistik

Sumber manusia berkelayakan dan berkemahiran

Perkhidmatan pelanggan berkesan

# VISI DAN MISI

## VISI

Memperkasa kerasmian dan amalan ugama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna bagi menepati Negara Zikir dan “*Negara yang aman ma’mur dan Tuhan yang Maha Pengampun*”

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

---

---

## MISI

Mendukung dan memelihara ugama Islam dan kerasmianya serta memperkembangkannya melalui dasar-dasar dan pentadbiran yang berkesan dan dinamik bagi pembangunan dan kesejahteraan negara berdasarkan Hukum Syara’, Perlembagaan, Undang-Undang dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja.

---

---

# BIDANG FOKUS STRATEGIK

Pendidikan Ugama  
Berkesan

Da'wah Mantap

Kedaulatan Undang-  
Undang Syariah

Keselamatan Sosial  
Terjamin

Pemakanan dan Barang  
Gunaan Halal dan Suci

Perkhidmatan Berkualiti  
dan Cemerlang

# TUJUAN PENUBUHAN

*“... Tujuan yang utama Kerajaan saya berharap supaya Jabatan Ugama ini giat melaksanakan segala usaha-usaha menjiwakan taraf kehidupan laila rohani dan laila jasmani kepada rakyat seluruhnya menuntut dan mengamal-amalkan bagi menggalakkan ilmu pengetahuan ugama. Laila hadirin yang dihormati, kemajuan rohani dan jasmani wajiblah diadun dan diupang serentak dan seimbang dengan laila akal fikiran bagi menjamin ujudnya keamanan Brunei Darussalam sebuah Negara yang maju, aman makmur mudah-mudahan kekal bahagia selama-lamanya.*

*Jabatan Ugama adalah mempunyai laila undang-undangnya pada mentadbirkan bagi menjalankan kewajipan ugama sehari-hari. Adalah kewajipan Pejabat Ugama laila berusaha pada menanamkan keimanan dan akhlak yang suci murni di dalam jiwa anak-anak dengan menerusi sekolah-sekolah dan dengan laila ajaran-ajaran di kelas-kelas Ugama sama ada di kelas rendah, di kelas menengah dan di darjah tinggi dan juga kelas-kelas dewasa Ugama sepatutnya mematuhi atau patuh dengan seikhlas-ikhlasnya kepada hukum-hukum dan peraturan-peraturan ugama Islam yang akan membawa kebaikan di dunia dan memberi kebahagiaan di akhirat. Sebagai sebuah Jabatan adalah menjadi kewajipan kepada Jabatan Ugama bekerjasama pada menjalankan atau melaksanakan laila dasar-dasar Kerajaan dan juga memajukan ajaran-ajaran laila ilmu pengetahuan di segi ugama Islam yang menjadi Ugama Rasmi kita di dalam Negara Brunei Darussalam ini.*

(Petikan Titah Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien ketika Majlis Pembukaan Rasmi Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam pada 15 Jamadilawal 1386H bersamaan 1 September 1966M)

# TUGAS-TUGAS UTAMA

1 Mengurus dan memajukan hal ehwal ugama Islam di Negara Brunei Darussalam

2 Memelihara dan mempertahankan kesucian ugama Islam  
menurut aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah

3 Menguatkuasakan undang-undang negara

4 Menyebar dan memberi kefahaman mengenai ajaran Islam  
kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam

5 Menjadikan *Maqasid As Syar'ie* sebagai pegangan dalam pengurusan dan pentadbiran  
untuk menuju Wawasan 2035

# RANGKA KERJA

## VISI

Memperkasa kerasmian dan amalan ugama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna bagi menepati Negara Zikir dan “*Negara yang aman ma’mur dan Tuhan yang Maha Pengampun*”  
بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

### NILAI-NILAI UTAMA: ‘3T’

- Taat  
(*Iman, Taqwa, Taat setia kepada raja dan negara*)
- Tanggungjawab  
(*Amanah, Adil, Berintegriti, Akauntabiliti, Dedikasi, Produktif*)
- Tindakbalas  
(*Ikhlas, Profesional, Bekerjasama, Bersikap positif dan proaktif, Kreatif dan inovatif, Bersikap pemedulian, Analitik*)

## MISI

Mendukung dan memelihara ugama Islam dan kerasmiannya serta memperkembangkannya melalui dasar-dasar dan pentadbiran yang berkesan dan dinamik bagi pembangunan dan kesejahteraan negara berdasarkan hukum Syaria’, Perlembagaan, Undang-Undang dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja

## 12 FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL

- Dasar dan undang-undang berkesan
- Kepimpinan berwibawa dan bijaksana
- Pengurusan sumber yang optima
- Struktur organisasi serta proses kerja progresif
- Pengurusan partisipatif
- Pengembangan modal intelek
- Pembudayaan ICT
- Rakan strategik kooperatif
- Pengiktirafan antarabangsa
- Perancangan dan penyelidikan holistik
- Sumber manusia berkelayakan dan berkemahiran
- Perkhidmatan pelanggan berkesan

### TUGAS-TUGAS UTAMA

- Mengurus dan memajukan hal ehwal ugama Islam di Negara Brunei Darussalam
- Memelihara dan mempertahankan kesucian ugama Islam menurut aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah
- Menguatkuasakan undang-undang negara
- Menyebar dan memberi kefahaman mengenai ajaran Islam kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam
- Menjadikan *Maqasid As Syar’ie* sebagai pegangan dalam pengurusan dan pentadbiran untuk menuju Wawasan 2035

## BIDANG FOKUS STRATEGIK

- Pendidikan Ugama Berkesan
- Da’wah Mantap
- Kedaulatan Undang-Undang Syariah
- Keselamatan Sosial Terjamin
- Pemakanan dan Barang Gunaan Halal dan Suci
- Perkhidmatan Berkualiti dan Cemerlang

# PELANGGAN DAN *STAKEHOLDERS*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama

Majlis Ugama Islam Brunei

## *STAKEHOLDERS*



## PELANGGAN

Kementerian-Kementerian  
dan Jabatan-Jabatan  
Kerajaan

Jabatan-Jabatan dan  
Bahagian-Bahagian di  
bawah KHEU

Agensi dari Negara-  
Negara Luar

Sektor Swasta

Pertubuhan Bukan  
Kerajaan (NGO's)

Masyarakat Awam

# AGENDA WAWASAN BRUNEI 2035

Rakyat Yang  
Berpendidikan,  
Berkemahiran Tinggi  
Dan Berjaya

Kehidupan Rakyat Yang  
Berkualiti Tinggi

Ekonomi Yang Dinamik  
Dan Berdaya Tahan

# CABARAN DAN IMPLIKASI

BIDANG STRATEGIK	CABARAN	IMPLIKASI
Pendidikan Ugama Berkesan	Keperluan bagi meningkatkan sistem pendidikan ugama secara formal	Menyumbang kepada pengukuhan amalan dan penghayatan berugama dalam kalangan pelajar Islam dan rakyat Negara Brunei Darussalam
Da'wah Mantap	Keperluan bagi menangani: <ul style="list-style-type: none"> <li>- propaganda negatif melalui media massa;</li> <li>- penyebaran ajaran Islam secara berkesan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempengaruhi minda masyarakat kepada perkara positif terhadap Islam;</li> <li>• Mempertingkat dan memperkuuh amalan penghayatan berugama dalam kalangan masyarakat Islam</li> </ul>
Kedaulatan Undang-Undang Syariah	Keperluan bagi meningkatkan kemahiran dalam pelaksanaan undang-undang syariah dan sivil	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantapkan pentadbiran undang-undang bagi agensi-agensi atau stakeholder yang bkenaan</li> <li>• Memfokuskan bidang tugas dengan lebih kemas dan efisien</li> </ul>

# CABARAN DAN IMPLIKASI

BIDANG STRATEGIK	CABARAN	IMPLIKASI
Keselamatan Sosial Terjamin	Keperluan bagi meningkatkan pengurusan kutipan dan agihan zakat, waqaf dan baitulmal yang efisien	Pengurusan kutipan dan agihan zakat, waqaf dan baitulmal yang efisien dapat menjamin keselamatan sosial
Pemakanan Halal dan Barang Gunaan Halal dan Suci	Keperluan bagi meningkatkan penggunaan bahan-bahan yang diasaskan melalui pengembangan genetik dengan menggunakan bio-teknologi	Meningkatkan kesedaran tanggungjawab sosial kepada semua pihak dalam memelihara kehalalan makanan dan barang gunaan
Perkhidmatan Berkualiti dan Cemerlang	Keperluan pengurusan perkhidmatan sumber tenaga manusia dan kewangan yang berkualiti	Pengurusan perkhidmatan sumber manusia dan kewangan yang berkualiti menjadi nadi penggerak dalam pengurusan dan pentadbiran

# PELAN TINDAKAN

Penetapan rancangan strategik bagi tempoh 2015-2019 diterjemahkan melalui pelaksanaan strategi dan program dalam setiap Pelan Tindakan. Setiap strategi dan program tersebut berpaksikan kepada enam Teras Strategik iaitu:

<b>MATLAMAT 1</b>	<b>Meningkatkan pengajaran dan pembelajaran untuk melahirkan generasi intelektual serta memantapkan penghayatan berugama</b>
<b>STRATEGI</b>	Menyediakan program peningkatan pengajaran dan pembelajaran kepada guru serta mempertingkatkan strategi untuk memantapkan amalan, nilai dan penghayatan terhadap ugama bagi melahirkan generasi intelek dan profesional
<b>MATLAMAT 2</b>	<b>Mempelbagaikan medium da'wah</b>
